



Ahli Sunnah Wal Jamaah panduan majoriti ikut ajaran Rasulullah

Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) adalah istilah yang diambil sumbernya daripada al-Quran dan sunnah serta disepakati majoriti ulama.

Persepakatan ulama terhadap istilah ini merujuk kepada golongan Muslim majoriti yang mengikut apa diturunkan Allah dan dibawa oleh Rasulullah SAW daripada zaman dahulu sehinggalah hari ini.

Pensyarah Pusat Akidah dan Keamanan Global, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Abdull Rahman Mahmood berkata, ASWJ bukan satu istilah rekaan mengikut hawa nafsu

sebaliknya berlandaskan ajaran Baginda sendiri.

"Sungguhpun al-Quran dan sunnah tidak menjelaskan secara terperinci nama yang diistilahkan dan juga tidak merujuk kepada golongan tertentu sebagai ASWJ, istilah ini adalah jelas diisyaratkan oleh dua sumber perundangan berkenaan.

"Istilah ini tidak diperkenalkan pada zaman Rasulullah SAW dan sahabat atas faktor tertentu antaranya kebimbangan ia tidak menepati dengan apa yang dikehendaki oleh nas yang jelas tersebut," katanya.

Tegas Abdull Rahman, selain itu wujud faktor yang mengha-

lang mereka daripada memberi penamaan iaitu istilah sahabat itu sendiri sangat istimewa. Ia ditujukan pada satu golongan sangat mulia di sisi Allah SWT dan amat hampir dengan nabi.

Ikuti akidah ASWJ

Abdull Rahman turut melihat, kemungkinan istilah ASWJ pada waktu itu tidak digunakan kerana masyarakat hidup dalam keadaan harmoni dan tidak wujud gejala berbahaya seperti bidaah yang berleluasa seperti dunia hari ini.

Tambahnya, umat Islam selepas era Rasulullah SAW perlu mengikut akidah ASWJ kerana ia

jelas, tiada kekeliruan, cacat cela dan kesesatan dalam fahaman serta manhajnya.

Bahkan Baginda sendiri menyebut, umatnya yang berpegang kepada ASWJ sebagai golongan yang selamat dan benar-benar terjamin pengakhiran hidup mereka.

Justeru, tegas Abdull Rahman dapatlah difahami penamaan ASWJ merujuk kepada pegangan, keyakinan, pengamalan serta sifat yang dimiliki oleh golongan yang datang selepas zaman sahabat Rasulullah SAW dengan menjadikan al-Quran dan sunnah sebagai sumber rujukan utama dalam setiap aspek kehidupan.



ASWJ bukan satu istilah rekaan mengikut hawa nafsu, sebaliknya berlandaskan ajaran Baginda sendiri"

Abdull Rahman Mahmood,
Pensyarah Pusat Akidah dan
Keamanan Global, Fakulti
Pengajian Islam UKM